



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **30 ANGGOTA PELBAGAI PERKHIDMATAN DILANTIK SEBAGAI ANGGOTA TRIBUNAL ANTIGANGGUAN SEKSUAL**

**PUTRAJAYA, 21 MAC** - YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Majlis Penyampaian Watakah Pelantikan Anggota Tribunal bagi Antigangguan Seksual yang berlangsung di Auditorium KPWKM, Putrajaya.

Majlis Penyampaian Watakah Pelantikan Anggota Tribunal bagi Antigangguan Seksual ini melibatkan sejumlah 30 Anggota Tribunal yang dilantik mengikut peruntukan di bawah Seksyen 4, Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840), yang telah berkuatkuasa sepenuhnya pada 8 Mac 2024 yang lalu dengan melibatkan:

- a) Seorang Presiden dan seorang Timbalan Presiden yang dilantik dalam kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan;
- b) Seramai lapan (8) orang anggota di bawah kategori perundangan yang merupakan pegawai yang pernah memegang jawatan dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan serta peguam yang telah menjalankan amalan selama tidak kurang daripada 7 tahun; dan

- c) Sejumlah 20 orang anggota di bawah kategori bukan perundangan, yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara yang berhubungan dengan gangguan seksual. (Rujuk Lampiran).

Pelantikan anggota Tribunal ini terdiri daripada individu-individu dengan pelbagai latar belakang profesion dalam kalangan sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Anggota Tribunal yang dilantik ini bertanggungjawab mendengar dan melaksanakan proses pendakwaan atau pengadilan terhadap setiap aduan berkaitan gangguan seksual.

Melalui pelantikan ini, Kementerian menyeru semua individu yang menjadi mangsa gangguan seksual agar tampil untuk membuat aduan di kaunter Tribunal bagi Antigangguan Seksual yang berpusat di Aras G, Bangunan KPWKM, Putrajaya. Sebarang bentuk aduan juga boleh dilaporkan secara terus di Talian Kasih 15999 atau *Whatsapp* 019-2615999 sebagai saluran alternatif mangsa dalam mendapatkan hak tebus rugi dengan cepat, mudah dan kos yang minimum.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
21 MAC 2024**

## MAKLUMAT TAMBAHAN (LAMPIRAN)

### SENARAI ANGGOTA TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

BIL	NAMA	JAWATAN
<b>KATEGORI PERUNDANGAN</b>		
1	PUAN SYAFEERA BINTI MOHD SAID	PRESIDEN
2	TUAN MOHAMAD NASRUDIN BIN MOHAMED	TIMBALAN PRESIDEN
3	DATO' ABDUL FAREED BIN ABDUL GAFOOR	ANGGOTA
4	PUAN CHUA KUAN CHING	ANGGOTA
5	ENCIK FAHMI BIN ABD MOIN	ANGGOTA
6	PUAN KWAN LI SA	ANGGOTA
7	PUAN SELVAMALAR A/P S. ALAGARATNAM	ANGGOTA
8	PUAN SITI NOOR ALWANI BINTI HAMID	ANGGOTA
9	PUAN WAN AZLIANA BINTI WAN ADNAN	ANGGOTA
10	DATO' HAJI ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR	ANGGOTA
<b>KATEGORI BUKAN PERUNDANGAN</b>		
11	PUAN DINATRA BINTI MOHD SAAT	ANGGOTA
12	TO' PUAN FARIZUN BINTI ABD KARIM	ANGGOTA
13	PROF. MADYA DR. HANIZA BINTI RAIS	ANGGOTA
14	PUAN ILYANI BINTI MD. RAZAK	ANGGOTA
15	DR. LAI SUAT YAN	ANGGOTA
16	PUAN LAZULI NAMBIAR A/P MADAVAN	ANGGOTA
17	DR. LILEY AFZANI BINTI SAIDI	ANGGOTA
18	MEJAR (B) MAIZATUL FARA'IN BINTI ABDUL RAHIM	ANGGOTA
19	PUAN NOR AISHAH BINTI SAMAH	ANGGOTA
20	PUAN NOR EMELLIA BINTI MOHD SHARIFF	ANGGOTA
21	PROF. MADYA DR. RAFIDAH BINTI AGA MOHD JALADIN	ANGGOTA
22	DATIN PROF. DR. RAIHANAH BINTI HAJI ABDULLAH	ANGGOTA

23	DR. RAJA KAMARIAH BINTI RAJA MOHD KHALID	ANGGOTA
<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>
<b>KATEGORI BUKAN PERUNDANGAN</b>		
24	DR SAKINAH BINTI IDRIS	ANGGOTA
25	DSP SAROJA A/P EGAMPARAM	ANGGOTA
26	PUAN SITI FATIMAH BINTI ABDUL GHANI	ANGGOTA
27	SAC SITI KAMSIAH BINTI HASSAN	ANGGOTA
28	DATUK DR. HAJJAH TARSIAH @TARISAH BINTI TAMAN	ANGGOTA
29	PUAN YEOH SIEW PENG	ANGGOTA
30	ENCIK YU REN-CHUNG	ANGGOTA